

Bekerja demi masa depan lebih cemerlang – PM

UM- 6/5/2007

KUALA LUMPUR 5 Mei – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak golongan pekerja di negara ini supaya terus bekerja dengan lebih baik, demi masa depan rakyat dan negara yang lebih cemerlang.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri turut mengingatkan golongan pekerja pentingnya mereka memiliki pelbagai kemahiran supaya lebih berdaya saing dalam pasaran global.

Sambil menegaskan pekerja merupakan aset negara yang cukup penting, beliau berkata, kerajaan hanya boleh merancang pembangunan dalam pelbagai bidang ekonomi dan perindustrian.

“Tetapi, jika tidak ada kerjasama, kerelaan dan kesanggupan pekerja (untuk melaksanakan perancangan itu), ekonomi negara kita tidak akan berjaya. Saudara-saudari yang menjayakannya,” katanya ketika berucap pada Perhimpunan Hari Pekerja 2007 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn; timbalannya, Datuk Abdul Rahman Bakâr; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri turut menarik perhatian lebih 10,000 pekerja yang hadir, bahawa kejayaan yang dinikmati sekarang bukan datang dengan mudah, secara tiba-tiba ataupun kerana bernasib baik.

Sebaliknya, tegas beliau, kejayaan yang dinikmati sekarang adalah hasil daripada perancangan dan pelaksanaan yang baik di pihak kerajaan dengan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada rakyat khususnya golongan pekerja.

“Semua terlibat memberi sumbangan bagi menjayakan pembangunan (negara) dan mencapai apa diharapkan.

“Kalau tidak cukup, ditokok tambah, kalau

◀ Negara mahu terus mencapai kejayaan dengan adanya suasana kerja yang kondusif dan pekerja pula bijak, mahir serta memahami aspirasi tersebut

– Abdullah Ahmad Badawi

tidak elok, diperelekkkan pada tahun akan datang kerana cara kita ialah sentiasa membuat tambah nilai kepada apa yang dinikmati selama ini,” katanya yang menjelaskan kehadiran ke perhimpunan itu, walaupun baru kembali dari luar negara, sebagai tanda penghargaan kepada golongan pekerja.

Abdullah turut menjelaskan bahawa kejayaan negara mencapai urusan dagangan mencecah lebih RM1 trilion juga hasil kerjasama semua pihak.

Ini kerana, jelas Perdana Menteri, sekiranya negara menghadapi pelbagai masalah seperti rusuhan, keganasan dan pergaduhan, maka tidak mungkin negara mencapai kejayaan sepertimana dinikmati sekarang.

Pada masa yang sama, kata beliau, negara mahu terus mencapai kejayaan dengan adanya suasana kerja yang kondusif dan pekerja pula bijak, mahir serta memahami aspirasi tersebut.

“Mereka (golongan pekerja) memahami bahawa dalam suasana stabil dan baik, mereka dapat bekerja, ekonomi berkembang dan pelaburan bertambah,” ujarnya.

Abdullah seterusnya membangkitkan hakikat cabaran sama ada di peringkat dalaman dan global termasuk dari negara India, China dan Vietnam, yang perlu dihadapi oleh golongan pekerja dengan menekankan soal meningkatkan produktiviti dan kemahiran

di kalangan mereka.

Malah katanya, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengalih pendekatan ke arah meningkatkan industri ke tahap lebih canggih dengan menggunakan teknologi lebih tinggi selaras dengan peningkatan kemahiran tenaga kerja tempatan.

Beliau juga menyentuh tentang aspek kesihatan dan moral yang perlu diberi perhatian oleh golongan pekerja bagi menjamin produktiviti dan perkhidmatan yang lebih berdaya saing.

“Jika pekerja kurang sihat, produktiviti juga akan menurun. Maka itu, perlu diwujudkan program-program riadah untuk memberi kekuatan jasmani (di kalangan pekerja).

“Dari segi moral, pekerja mesti mempunyai integriti, keluhuran. Ini mesti diusahakan agar modal insan dapat diwujudkan dalam negara.

“Modal insan merupakan mereka yang ada ilmu pengetahuan, pemikiran kelas pertama, kuat jasmani dan kukuh rohani. Modal insan merupakan faktor paling penting untuk membangunkan negara,” jelasnya.

Mengenai hubungan dan kerjasama antara majikan dan pekerja, beliau yang berpuas hati dengan perkara itu menjelaskan, kedua-dua pihak perlu ada hubungan erat dan kukuh dengan kerajaan.